

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95

October/November 1994

CIS301/CSD402 - Sistem Maklumat Lanjutan

Masa: [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA (5)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
 - Jawab ketiga-tiga soalan. Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.
-

1. (a) Lukiskan sebuah senibina maklumat yang menunjukkan sistem-sistem utama serta subsistem-subsistem bersama-sama hubungannya (kelas data boleh diabaikan) untuk sesebuah sekolah sebagaimana yang dilaksanakan dalam tugasan.

(20/100 markah)

- (b) Baca dan fahamkan keterangan berikut dan kemudian jawab semua soalan selepasnya.

Kilang pengeluar tekstil, Syarikat Batik Maju Sdn Bhd adalah sebuah syarikat yang beroperasi mengeluarkan kain-kain ela (bercorak & kosong), pakaian lelaki & wanita, kain batik dan pakaian kanak-kanak. Syarikat ini beribu pejabat di Pulau Pinang dan mempunyai beberapa buah kilang cawangan iaitu, di Kota Bharu kilang pengeluar kain batik, di Shah Alam kilang pengeluar pakaian lelaki & wanita, di Kuala Kangsar kilang pencelup dan di Kulim kilang pengeluaran pakaian kanak-kanak. Ia juga mempunyai sebuah pejabat pemasaran di Kuala Lumpur yang menguruskan hal-hal berkaitan pemasaran barangan syarikat. Mengikuti pengurus besar syarikat ini, "Kami perlu sentiasa menyimpan bahan mentah dalam stok kerana tindakan yang cepat perlu diambil apabila citarasa serta keperluan pengguna berubah dan keperluan meningkat disebabkan kedudukan ekonomi yang baik. Misalnya, pada masa sekarang kain batik amat digemari oleh kaum wanita berbanding kain-kain jenis lain; maka apabila tidak cukup, kita akan kehilangan pelanggan. Fesyen pakaian dan corak kain juga cepat berubah, kebiasaannya pakaian fesyen lama serta kain-kain yang bercorak lama terpaksa dijual dengan harga yang murah. Di samping itu, bahan-bahan mentah kami bukannya murah dan tidak dapat diperolehi dengan cepat, maka jika wang modal dibelanjakan kepada sesuatu bahan yang banyak dalam stok dan tidak digunakan atau dibelanjakan dalam pengeluaran yang dapat dijual, tutuplah syarikat."

Soalan-soalan:

- (i) Dari segi MIS, apakah cabaran utama syarikat ini?
- (ii) Senaraikan lima CSF utama syarikat ini. Apakah maklumat-maklumat penting yang perlu diketahui oleh syarikat ini untuk menentukan kejayaan CSF syarikat ini?
- (iii) Dengan menggunakan gambarajah, tunjukkan maklumat-maklumat yang mesti dikongsi bersama-sama di antara syarikat dan anak-anak syarikatnya.
- (iv) Sebagai pakar dalam bidang IT, nyatakan bagaimana syarikat ini dapat mengembangkan operasinya dan meningkatkan keuntungan syarikat melalui penggunaan teknologi maklumat semasa dan teknologi yang diramalkan digunakan dengan luas dimasa akan datang (selain daripada robotik).
- (v) Bagaimanakah cara untuk mengatasi masalah kawalan stok? Apakah maklumat-maklumat yang diperlukan untuk mengatasi masalah ini?

(50/100 markah)

- (c) Dengan memberikan alasan-alasan, nyatakan kedudukan sistem-sistem berikut dalam Grid Strategik:
- (i) sistem krisalis perpustakaan.
 - (ii) sistem pinjaman buku perpustakaan.
 - (iii) sistem tempahan pelanggan untuk megamarket. (15/100 markah)
- (d) Dalam kajian ISP, **lukiskan** tentang matrik-(matrik) yang boleh digunakan dalam setiap analisis/aktiviti berikut:
- (i) membina senibina maklumat.
 - (ii) persediaan temuramah.
 - (iii) menentukan tahap sokongan maklumat di dalam organisasi.
 - (iv) menentukan tahap tanggungjawab seseorang eksekutif terhadap sesuatu tugas. (15/100 markah)
2. (a) Anda baru sahaja dilantik menjadi pengurus MIS bagi sebuah organisasi perniagaan yang baru dibuka dua bulan yang lepas. Secara ringkas dan dengan **menggunakan gambarajah**, nyatakan langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang anda akan ambil **mengikut keutamaan** dalam menerajui bahagian ini. (30/100 markah)
- (b) Bincangkan tentang kesan perkembangan **empat** daripada sistem-sistem berikut terhadap organisasi perniagaan :
- (i) EIS.
 - (ii) DSS.
 - (iii) MIS.
 - (iv) IR.
 - (v) OA. (20/100 markah)
- (c) Bagi setiap perkhidmatan atau barangan berikut, nyatakan **hanya satu proses** dalam setiap fasa kitarhayat barangan/perkhidmatan:
- (i) guru.
 - (ii) pelajar.
 - (iii) buku.
 - (iv) pinjaman buku.
 - (v) wang. (20/100 markah)

- (d) Senaraikan fungsi-fungsi asas sistem IR. Nyatakan bagaimana sistem ini dapat membantu sesebuah organisasi. (15/100 markah)
- (e) Senaraikan semua output utama yang dihasilkan untuk tujuan perancangan jangka pendek dan perancangan jangka panjang untuk sesebuah organisasi MIS. (Dalam jawapan anda asingkan output perancangan jangka pendek daripada perancangan jangka panjang). (15/100 markah)
3. (a) Dengan mengambil suasana pendidikan di Malaysia (sekolah-sekolah), bagaimanakah IT dapat membantu meningkatkan mutu pendidikan negara? (20/100 markah)
- (b) Dengan mengambil kira perkembangan teknologi maklumat semasa, tukarkan ciri-ciri di peringkat Permulaan unsur-unsur perkembangan dalam Teori Berperingkat Nolan bagi:
- sumber MIS
 - portfolio penerapan
- Senaraikan ciri-ciri tersebut. (15/100 markah)

Jawab sama ada soalan (c) atau soalan (d).

- (c) Pilih mana-mana 4 bahagian yang berikut:**

Bincangkan kesan perkembangan-perkembangan setiap satu berikut terhadap bidang IS:

- (i) kecerdasan buatan.
- (ii) sistem kerja kumpulan (workgroup system).
- (iii) multimedia.
- (iv) rangkaian.
- (v) harga stesen kerja yang murah.

(25/100 markah)

- (d) Bincangkan tentang kebaikan yang diperolehi oleh bidang IS daripada perkembangan-perkembangan IT masakini sebagaimana yang dibincangkan dalam bab "The Expanding Universe of Computing".

(25/100 markah)

- (e) Anda telah diberi tanggungjawab membuat perolehan komputer untuk Unit Pembelajaran Dibantu Komputer/Multimedia Perpustakaan Utama II USM bagi kegunaan para pelajar bagi pembelajaran secara individu melalui pakej-pakej CAI yang dibangunkan dan pakej-pakej yang dibeli. Peruntukan yang diberikan ialah sebanyak RM100,000.00.
- (i) Nyatakan bagaimana anda akan melaksanakan tugas ini.
 - (ii) Apakah faktor-faktor utama yang harus dipertimbangkan dalam proses perolehan ini.
 - (iii) Lakarkan suatu gambarajah menunjukkan konfigurasi suasana komputer yang mungkin boleh dipasangkan.
 - (iv) Berikan keterangan ringkas **konfigurasi wajib** mengenai sistem yang akan dipasang.
 - (v) Berikan keterangan ringkas **konfigurasi opsyenal** mengenai sistem yang akan dipasang. (30/100 markah)
- (f) Nyatakan bagaimana anda menguruskan sesebuah sistem maklumat itu, sekiranya "perjalanan operasinya yang baik" adalah merupakan CSF organisasi yang paling utama. (10/100 markah)